

Submission date: 5/03/2025 Accepted date: 16/04/2025 Published date: 30/05/2025

DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol32no1.628>**PEMIKIRAN DAKWAH MELALUI PERTEMBUGAN KONFLIK JiWA WATAK
DALAM NOVEL *TERUMBU KASIH* KARYA MUHD MANSUR ABDULLAH*****The Da'wah Thought in the Clash of the Conflicts of Souls in Terumbu Kasih Novel by Muhd Mansur Abdullah***Norazimah Zakaria,^a Mazarul Hasan Mohamad Hanapi,^b Mohd Saipuddin Suliman^c^{ab}Universiti Pendidikan Sultan Idris^cUniversiti Malaysia Kelantan(Corresponding email) norazimah@fbk.upsi.edu.my**Abstrak**

Pengarang telah menampilkan unsur dakwah melalui penghijrahan watak utama dan pertembungan konflik jiwa yang dialami oleh watak-wataknya melengkapkan plot penceritaan dengan sangat baik. Dakwah bermaksud seruan. Novel ini menyeru kepada semua manusia yang pernah melakukan kesilapan dan dosa kembali ke pangkal jalan dengan melakukan kebaikan dan berubah atas kehendak diri sendiri. Objektif makalah ini ialah mengenal pasti pemikiran dakwah melalui konflik jiwa watak-watak yang terdapat dalam novel *Terumbu Kasih*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif analisis deskriptif bertema berdasarkan teori psikoanalisis Sigmund Freud dan teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang) melalui pendekatan dakwah. Penemuan hasil analisis daripada novel ini mendapati wujudnya kritikan sosial yang digambarkan oleh pengarang yang dilihat mempunyai agenda tersirat terhadap ketiadaan keseimbangan sistem sosial dan pembangunan yang semakin pesat yang menyebabkan masalah sosial semakin meningkat. Hal ini dianggap bukanlah petanda yang baik bagi sesebuah pembangunan negara yang memerlukan masyarakat harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani dan jasmani. Maka perlu wujudnya kesedaran dalam diri masyarakat untuk diajak berubah ke arah kehidupan yang lebih baik.

Kata kunci: novel, konflik jiwa, kritikan sosial, wanita, psikoanalisis

Abstract

The author has brought forward the element of *da'wah* through the migration of the main character, and the clash of the souls experienced by the characters completed the narration of the plot perfectly. *Da'wah* means preaching or calling to. The novel calls to all who have erred and sinned to return to the right path by doing good deeds and changing for the better by their own will. The objective of this research is to identify the *da'wah* thought through the characters' conflicts of the souls found in *Terumbu Kasih* novel, based on Sigmund Freud's Psychoanalysis Theory and the theory of *Pengkaedahan Melayu* by Hashim Awang through the *da'wah* approach. It was found from the analysis of the novel that there is social criticism that is described by the author, which is seen to have a hidden agenda on the absence of balance in the social system and the increasing rapidness of development, where the social problems are multiplying. This event is seen as not a good sign for the development of a country that requires a harmonious society and balanced intellectually, spiritually, and physically. Therefore, there is a need for awareness in society to be made to desire to change to a better life.

Keywords: novel, conflicts of souls, social criticism, women, psychoanalysis

PENGENALAN

Dakwah merupakan alat yang sangat berkesan dan menjadi agen kepada perubahan sosial bagi mempersiapkan suatu bentuk masyarakat pada masa hadapan. Para ulama dan cendekiawan Islam menjadikan dakwah Islamiah sebagai bahan kajian dan pendekatan untuk melihat keadaan sesebuah masyarakat Islam sama ada berkembang atau membangun. Apabila masyarakat itu mengalami kebuluran, jenayah, gejala sosial dan keruntuhan moral, maka keadaan ini sering dikaitkan dengan kecuaiannya pelaksanaan dakwah dalam masyarakat (Abdullah, 2012).

Dunia dakwah dalam era abad ke 21 ini merupakan satu cabaran baru kepada segenap lapisan masyarakat. Fenomena kecelaruan masyarakat dalam mendekati Islam dan menghayatinya berlaku di semua peringkat kehidupan manusia. Ini memerlukan satu dimensi dan anjakan paradigma baru yang bersesuaian bagi menangani isu global dan nasional dalam membentuk dan memperkasakan umat Islam dalam menjadi teras pembangunan tamadun manusia selaras dengan kehendak Islam ke arah mengembalikan semula kegemilangan tamadun umat Islam suatu ketika dahulu. Paradigma baharu yang dimaksudkan adalah *uslub* atau cara baru penyebaran dakwah Islamiah yang selari dengan zaman moden serba canggih ini dan dengan menggunakan segala peluang yang terbentang yang wujud dalam bidang apa sekalipun terutamanya bidang teknologi maklumat yang berkaitan dengan media televisyen yang mendominasi saluran masa kini.

Menyebarkan dakwah ialah satu amanah Allah yang mesti dipikul oleh umat manusia. Islam ialah agama dakwah. Islam ialah satu amanah (tanggung jawab agama) Allah SWT mesti ditunaikan kepada orang yang berhak menerimanya. Dalam al-Quran terdapat ayat yang menjelaskan firman Allah SWT yang bermaksud:

Sesungguhnya kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya) dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

(Surah al-Ahzab, 33:72)

Berdasarkan maksud ayat surah al-Ahzab ini, dapatlah difahamkan bahawa Islam ialah agama dakwah yang bersifat menyeluruh dan usaha dakwah hendaklah dipikul oleh seluruh umat manusia. Fungsi dan misi umat Islam dalam kehidupan masyarakatnya sangat besar dan berat iaitu menjadi pembangun kehidupan masyarakat berlandaskan tauhid dan taqwa atau melahirkan masyarakat Islam sebenar-benarnya. Para pendakwah bertanggung jawab secara aktif menyusun, mengatur, merancang dan mengorganisasikan dakwah sebagai satu program yang dilaksanakan secara sistematik. Islam mengajak manusia menuju kepada kesejahteraan dan keredhaan Allah SWT iaitu dengan cara mengeluarkan mereka daripada kegelapan dan kekufuran kepada cahaya keimanan. Firman Allah bermaksud:

Dengan Al-Quran itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredhaanNya dan (dengannya) Tuhan keluaran mereka dari gelap gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang, dengan izinnya dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus.

(Surah al-Maidah, 5:16)

Berhubung dengan ayat tersebut dapat dijelaskan bahawa agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dapat menyelamatkan manusia daripada kecelakaan kepada keselamatan dunia dan akhirat. Ia juga dapat mengeluarkan manusia daripada kegelapan akibat pemujaan berhala dan khurafat kepada cahaya iman yang suci yang jauh daripada belenggu kumpulan agama dan keduniaan. Ia juga dapat membawa manusia ke jalan yang benar serta menjadi matlamat kepada turunnya agama Islam kepada manusia. Hala tuju dakwah ini membawa masyarakat ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat melalui pelaksanaan tugas sebagai khalifah di bumi ini. Dakwah juga dapat menghalakan masyarakat kepada umat terbaik, terkuat, tertinggi dan umat termulia dalam kalangan umat yang ada untuk diselaraskan dengan kedudukan Islam yang tertinggi dan termulia. Dengan itu segala usaha untuk membawa masyarakat Islam kepada hala tuju tersebut perlu dilakukan melalui dakwah. (Ab Aziz, 2006).

Bagi menjamin kejayaan dakwah pada masa hadapan salah satu syarat paling penting yang mesti dipatuhi ialah penglibatan semua pihak daripada semua kalangan umat Islam di Malaysia dalam bidang masing-masing untuk kepentingan dakwah. Ia hendaklah dijalankan secara bersepadu oleh segenap lapisan masyarakat kerana tugas dakwah ialah tugas semua orang Islam. (Azizan Baharuddin, 2010).

Terdapat beberapa kepentingan dakwah yang perlu diketahui oleh semua umat Islam kerana kepentingan ini akan menjadi penentu tanggungjawab seseorang muslim terhadap agamanya. Antara kepentingan dakwah ialah:

- i. Dapat mewujudkan kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.
- ii. Dapat menarik minat lebih ramai orang sama ada Islam atau bukan Islam mendalami agama Islam.
- iii. Dapat memberi kesedaran betapa pentingnya ajaran Islam dalam kehidupan seharian manusia.
- iv. Dapat memperbaiki akhlak manusia yang rosak terutamanya akhlak manusia akhir zaman yang banyak terpesong daripada ajaran Islam.
- v. Dapat mengajar manusia mengenai ajaran Islam yang sebenar.
- vi. Dapat mengajak manusia melakukan kebaikan dan menegah manusia daripada melakukan kemungkaran dengan melaksanakan amar makruf nahi mungkar. (Abdul Aziz, 2005).

Dakwah bermaksud mengajak kepada kebajikan. Manusia yang mengajak kepada kebajikan serta yang diajak menuju kebajikan. Seperti mana yang kita ketahui, prosa moden seperti novel merupakan medium dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat khususnya kepada masyarakat pada hari ini kerana kandungannya banyak menyentuh nilai-nilai intrinsik dan ekstrinsik. Ia sangat bertepatan dengan konsep hiburan dan pengajaran yang diterima dalam kalangan masyarakat Melayu dan tidak bercanggah dengan agama Islam itu sendiri. Pembangunan modal insan dalam masyarakat dapat melahirkan individu khasnya dan generasi amnya yang kaya serta sarat dengan nilai-nilai murni. Insan-insan ini memiliki personaliti unggul dan akan menentukan hala tuju negara pada masa akan datang. Maka, salah satu fungsi prosa Melayu seperti fungsi novel juga dapat memainkan peranan dalam menerapkan serta mengaplikasikan nilai-nilai tersebut dalam masyarakat.

Novel *Terumbu Kasih* karya Muhd Mansur Abdullah merupakan tokoh penulis Pahang mengisahkan penghijrahan pemuda dan pemudi dari luar bandar ke bandar besar iaitu Petaling Jaya, Selangor dan Kuala Lumpur. Penghijrahan ini berlaku kerana faktor tarikan untuk mencari rezeki di bandar besar bagi mengubah nasib hidup dan meningkatkan tahap pendidikan yang lebih tinggi di samping dapat menjana ekonomi yang lebih baik. Selain daripada itu, terdapat juga kisah penghijrahan kaum wanita untuk duduk sama tinggi dengan lelaki turut diutarakan oleh pengarang dalam novel ini. Konteks latar masa adalah pada era 80-an.

Melalui novel ini, pengarang telah menampilkan unsur dakwah melalui penghijrahan yang berlaku dan konflik jiwa yang dialami oleh watak-wataknya. Dakwah bermaksud seruan. Dalam konteks Dakwah Islamiah, seruan yang dimaksudkan ialah seruan kepada kebaikan (*amar makruf nahi munkar*) sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat al-Quran surah Ali Imran ayat 104 dan ayat

110. Penghijrahan tempat tinggal dari desa ke bandar diceritakan dengan baik oleh pengarang kerana ia adalah pencetus permulaan kepada punca setiap konflik watak-wataknya. Pengarang turut memberi sisi perubahan tingkah laku watak serta memberi unsur didikan dakwah yang mendalam apabila penghijrahan daripada tingkah laku yang tidak baik kepada baik turut memberi kesan kepada perkembangan watak-wataknya. Penghijrahan ini menimbulkan kesan yang baik dan tidak baik dalam kalangan pemuda pemudi tersebut. Ia digambarkan dengan baik oleh pengarang apabila watak utama dalam novel ini iaitu Rozana mengalami kejutan budaya sehingga melupakan asal usul dan niat asal penghijrahannya di bandar tersebut. Plot cerita bertambah menarik apabila watak utama iaitu Rozana bertemu dengan Fatimah, Alias, Joseph, Mr Gim Soon dan Ismail. Watak-watak ini mempunyai konflik diri masing-masing dan saling berkaitan di antara satu sama lain. Sisi gelap Rozana dan sahabatnya Fatimah yang berubah menjadi baik serta menuju ke jalan agama memperlihatkan pengarang berjaya menyampaikan nilai dakwah kepada pembaca melalui jalan cerita yang realistik dan sebenar yang dihadapi oleh kebanyakan pemuda dan pemudi di kota besar.

Pengarang menggambarkan kehidupan masyarakat bandar yang bebas bercampur gaul antara lelaki dan perempuan, wataknya daripada pelbagai bangsa dan agama, saling perlu memerlukan dan mempunyai nilai moral yang agak rendah. Kritikan sosial yang digambarkan oleh pengarang dalam novel ini dilihat mempunyai agenda tersirat terhadap ketidakwujudan keseimbangan sistem sosial dan pembangunan yang semakin pesat, masalah sosial semakin meningkat dan ia bukanlah petanda yang baik bagi sesebuah pembangunan negara yang memerlukan masyarakat harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani dan jasmani.

Novel ini menampilkan Rozana yang hidup susah di kampung. Dia mengubah nasib dirinya dengan berhijrah ke bandar. Namun jalan hidupnya berliku dan dia percaya kepada takdir hidup tentang soal jodohnya. Dalam hal ini, pengarang menampilkan watak Rozana yang berserah kepada Allah tentang soal jodohnya walaupun Joseph dan Mr Gim Soon ingin mengahwininya namun akhirnya jodohnya dengan Ismail. Dalam hal ini pengarang memperlihatkan kepada pembaca bahawa urusan takdir adalah ketentuan daripada Allah dan kita sebagai manusia hanya mampu untuk merancang.

Dalam hal ini, Islam juga meletakkan kepercayaan kepada takdir sebagai satu daripada rukun iman yang enam. Ia juga menuntut penganutnya untuk beriman kepada Allah, malaikat-malaikat, rasul-rasul, kitab-kitab dan hari akhirat. Selain itu, Islam juga menuntut penganutnya untuk mempercayai bahawa buruk dan baik itu merupakan ketentuan daripada Allah kerana segalanya adalah dalam kekuasaan-Nya. Ini tidak bererti Islam mengajar kepada penyerahan diri secara membuta tuli, tetapi ia bermaksud dalam keterbukaan peluang untuk berusaha dengan rahmat berupa kesempurnaan tubuh badan dan pemberian akal budi yang biasanya ditentukan oleh hukum sebab musabab, seseorang masih tertakluk kepada ketentuan mutlak daripada Allah yang Maha Pencipta dan yang Maha Menguasai. Justeru menerima akan takdir adalah syarat bagi tauhid yang sempurna. Walaupun Islam menjadikan kepercayaan kepada takdir itu sebagai satu daripada rukun iman namun ia memberi ruang yang luas untuk seseorang menjalankan tindakan.

Novel *Terumbu Kasih* merupakan terbitan Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) pada tahun 2019. Muhd Mansur Abdullah merupakan anak kelahiran Sungai Durian, Teluk Intan dan merupakan seorang yang berpendidikan tinggi. Beliau merupakan bekas Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar di UTM Skudai dan mantan Naib Canselor UCB Setiu Terengganu. Beliau mula menulis sejak dari tahun 1961 dalam pelbagai genre kesusasteraan. Antara novel-novel yang telah diterbitkan seperti Kembali Bergelut (1976), Permata-permata di Lumpur (1978), Daerah Tercinta (1979), Mendung Berarak Awan Berlalu (1981), Tinggal Kasih Tinggallah Sayang (1985), Pucuk-pucuk Muda (1989), Marina (1990), Wasiat (1991), Amigo Possa (2007), Ayahku Olong Nan (2010), Tembok Tinggi Melangit (2011), Kusebut Namamu Selalu (2012), Mengulit Rindu (2013) dan Saudagar Impian (2017).

OBJEKTIF KAJIAN

Makalah ini mempunyai satu objektif kajian iaitu mengenal pasti pemikiran dakwah melalui konflik jiwa watak-watak yang terdapat dalam novel *Terumbu Kasih* berdasarkan teori psikoanalisis Sigmund Freud dan teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang) melalui pendekatan dakwah.

METODOLOGI

Makalah ini menggunakan kaedah kualitatif analisis deskriptif teks bertema. Setiap watak dikenal pasti melalui tema konflik yang telah dipilih. Pembahagian ini dilakukan dengan memberi kategori kepada setiap watak tersebut iaitu pemikiran, konflik dan penanda. Konflik dianalisis berdasarkan teori Psikoanalisis Sigmund Freud dan teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan dakwah oleh Hashim Awang.

TEORI PSIKOANALISIS SIGMUND FREUD

Psikoanalisis merupakan satu sistem psikologi yang dipelopori oleh Sigmund Freud. Ia adalah satu teori personaliti dan juga satu kaedah terapi. Menurut Eagleton (1988), psikoanalisis bukanlah hanya suatu teori tentang akal manusia, tetapi juga suatu amalan mereka dianggap sakit atau terganggu akal fikirannya. Freud menurut Lahmuddin (2000) menyatakan bahawa psikoanalisis memandang manusia sebagai ekspresi dari adanya dorongan yang menimbulkan konflik. Freud telah membentuk teknik-teknik untuk digunakan dalam rawatan neurosis. Oleh itu, psikoanalisis boleh dianggap sebagai kaedah merawat seorang individu yang mengalami masalah tekanan emosi yang mendalam.

Dalam psikoanalisis, bahan-bahan yang dimaksudkan dalam bawah sadar ini meliputi kata-kata tersasul, mimpi, fantasi atau khayalan seseorang individu. Menurut Eagleton (1988):

Tak sadar hanyalah suatu pergerakan yang bersambungan dan kegiatan penanda yang mempunyai petanda yang jarang dapat kita masuki kerana keadaannya yang tertebat. Inilah sebabnya mengapa Lacan berbicara tentang tak sadar sebagai suatu kegelongsongan petanda ke bawah “penanda”, sebagai suatu kelunturan dan pengewapan makna yang berterusan...

Tahap bawah sadar merupakan peringkat yang paling penting dalam proses psikoanalisis. Setiap individu dikatakan mempunyai tahap ketidaksedaran yang berbeza. Personaliti setiap individu boleh diibaratkan sebagai tungkul ais di atas permukaan laut. Hanya satu pertiga yang berada di atas permukaan. Manakala dua pertiga daripada tungkul ais itu terbenam di bawah permukaan laut. Keadaan dua pertiga lapisan yang terpendam inilah yang dikatakan lapisan bawah sadar individu. (Lahmuddin, 2000).

Di bawah psikoanalisis, ia membahagikan personaliti manusia kepada tiga struktur iaitu id, ego dan super ego. Ciri id seseorang mengikut pandangan psikoanalisis ialah sudah wujud sejak ianya dilahirkan. Ia dianggap sebagai satu elemen struktur yang semula jadi, diwarisi dan satu elemen yang sedia ada dalam diri manusia. Malah id juga adalah merupakan satu gejala bawah sadar dan penuh dengan orientasi berkehendakkan kepuasan. Menurut Lahmuddin (2000):

...id bersifat tidak logis, amoral dan didorong oleh satu kepentingan yaitu memuaskan kebutuhan-kebutuhan naluriah sesuai dengan asas kesenangan.

Suatu keadaan tindak balas yang dilakukan oleh id ialah untuk menyebabkan berlakunya ketegangan yang dinamakan sebagai proses primer. Contoh yang paling sesuai untuk memahami proses primer ini dapat dilihat melalui seorang bayi yang lapar dan tetap akan diberikan makanan.

Semasa mendapat makanan, bayi itu akan melihat, membau, menyentuh dan merasai makanan. Susunan yang berlaku secara berulang kali pada dasarnya ini akan menghasilkan penyimpanan gambaran makanan dalam ingatannya dan dalam hubungan makanan dengan pengurangan kelaparan. Apabila kelaparan berlaku pada masa-masa akan datang, id akan menggunakan proses primer bagi cubaan untuk mendapatkan kepuasan cara membentuk bayangan objek (makanan) yang akan membawa kepada kepuasan (Nye, 1992). Namun begitu, terdapat beberapa cara lain lagi untuk memuaskan dorongan kepuasan. Contohnya adalah seperti mimpi, pemikiran yang berhajat, fantasi dan halusinasi.

Ego pula berbeza dengan id. Ego tidak wujud semasa kelahiran dan berkembang secara berperingkat. Tugas utama ego adalah sebagai perantara naluri-naluri dengan lingkungan (Lahmuddin, 2000). Antara fungsi ego adalah dapat bertindak terhadap acara yang mendatangkan kecemasan, biasanya konflik atau pertentangan antara id dan super ego. Selain itu, ego adalah suatu keadaan tindak balas yang dilakukan oleh id untuk menyebabkan berlakunya ketegangan yang dinamai proses primer. (Nye, 1992).

Manakala super ego merupakan struktur yang ketiga dalam pemikiran tingkah laku psikoanalisis. Ia lebih menyerupai hati nurani seseorang individu. Lahmuddin (2000) menyatakan bahawa melalui super ego, semua tindakan adalah sesuai dengan norma, moral dan etika. Manakala Nye (1992) pula menyatakan bahawa super ego sentiasa cuba untuk memperolehi kesempurnaan dan ia jarang sekali berpuas hati dengan apa yang kurang dari yang diinginkan. Hartmann (1988) menyatakan bahawa:

The role of the superego in the development of moral is in its outlines familiar to every analyst. Its relation, however, to moral codes and moral conduct has been stated in different ways....

Freud menurut Lahmuddin (2000) ada tiga bentuk kegelisahan yang dialami oleh manusia. Pertamanya kegelisahan atau kerisauan realiti, iaitu kegelisahan yang dirasakan kerana adanya sesuatu ancaman nyata (langsung) atau ancaman yang berkaitan dengan keadaan lingkungan. Keduanya ialah kegelisahan moral, iaitu kegelisahan yang berasal dari hati nurani atau *conscience* seseorang. Kegelisahan moral ini sering terjadi bagi seseorang yang sering merasa bersalah, terlebih lagi jika ia melakukan sesuatu yang bertentangan dengan nilai yang berlaku dalam masyarakat. Manakala kegelisahan yang ketiga ialah kegelisahan neurotik, iaitu kegelisahan yang timbul daripada perasaan bimbang dan ragu. Ia bahkan sering tidak dapat mengendalikan nalurinya dan menyebabkan ia melakukan sesuatu di luar kesedarannya. Kegelisahan seperti ini sering kali tidak dapat dicari penyebab yang sebenarnya dan kegelisahan itu tidak pernah menyedarinya.

Berdasarkan novel ini, daripada ketiga-tiga bentuk kegelisahan yang dialami manusia maka akan wujud konflik. Bertitik tolak daripada rumusan tersebut, maka kata kunci konflik menjadi sandaran kepada makalah ini.

TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Teori Pengkaedahan Melayu adalah sebuah teori yang dikemukakan pada tahun 1989. Teori ini boleh dikatakan sebagai teori baru jika dibandingkan dengan teori-teori yang datang dari barat seperti Sosiologi, Psikologi, Intertekstualiti, Stilistik Semiotik, New Historisme, Feminisme dan Psiko-analisis (Naffi, 2009). Teori Pengkaedahan Melayu adalah hasil usaha pengkaji Malaysia iaitu Hashim Awang dalam usaha mencari kaedah yang lebih sesuai untuk mengkaji karya-karya sastra tempatan. Teori ini mula dikemukakan berlandaskan bahawa semua aspek kehidupan manusia yang merangkumi cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat dalam masyarakat Melayu yang melahirkan karyanya sendiri. Selain itu juga teori ini menjadikan alam sebagai sebahagian daripada kehidupannya yang mempunyai kaitan rapat dengan kehidupan

manusia. Alam dijadikan faktor utama untuk memenuhi keperluan kehidupan manusia yang memberikan mata pencarian atau pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan kebajikan (Jumali, 2009). Teori ini merupakan satu pendekatan kajian sastera Melayu yang bertunjangkan daya cipta kreatif, penghasilan sastera yang kaya keakraban dengan gejala alam dan kehalusan budi orang Melayu. Kaedah ini jelas berasaskan sikap hidup, kepercayaan, dan keagamaan orang Melayu dan berteraskan pegangan hidup Islam.

Menurut Mana Sikana (1991) teori Pengkaedahan Melayu ini dibahagikan kepada dua pengkaedahan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaedahan Alamiah bersumberkan cara atau sikap hidup masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada dirinya. Melalui pengkaedahan ini, ia dipecahkan pula kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, moral dan firasat. Pendekatan gunaan adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa sastera merupakan salah satu daripada objek-objek alam, iaitu objek-objek dari hasil ciptaan, objek-objek alam lainnya diciptakan Tuhan, manakala sastera ciptaan manusia. Berdasarkan kepada pegangan ini, maka sastera dapat dilihat sebagai objek alam, yang kejadiannya mempunyai sebab, hikmah dan fungsi tertentu, disamping itu kejadiannya itu paling utamanya boleh dimanfaatkan oleh manusia sama seperti kejadian objek-objek alam yang lain. Bertepatan dengan firman Allah yang bermaksud:

Ia menciptakan langit dan bumi dengan ada faedah dan gunanya yang sebenar.
(Surah az-Zumar, 39:5)

Perbezaannya di sini ialah Tuhan telah menciptakan alam, sementara karya sastera pula terhasil oleh manusia iaitu pengarang atau penulis. Pengarang atau penulis ini pula dapat berbuat demikian kerana mereka mendapat kurniaan bakat dan ilham daripada Allah SWT, kerana bukan semua manusia boleh mengarang atau menghasilkan karya sastera yang baik.

Rumusan dalam pemikiran dakwah dilihat secara langsung kepada konflik yang berlaku kepada setiap watak dalam novel yang dikaji. Pendekatan dakwah dianalisis melalui pemikiran watak dan dilihat dapat mengawal dan membatasi tingkah laku manusia daripada tidak baik kepada baik.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Konflik yang biasa dialami oleh semua manusia sudah pasti ia bukan sesuatu yang menyeronokan. Konflik juga amat berkaitan dengan kehidupan, perwatakan, keluarga, proses urbanisasi dan kejutan budaya terhadap perkembangan pemodenan yang mendadak. Konflik merupakan satu penyakit yang sering dikaitkan dengan kesihatan mental dan kerap menyerang masyarakat pada masa kini.

Razali (1989) yang dipetik dalam Norazimah & Mazarul Hasan (2022) menyatakan bahawa konflik merupakan lumrah kepada seseorang atau sesebuah organisasi. Konflik membawa pengertian pertentangan, tiada persetujuan, kontroversi yang berlarutan antara dua pihak atau lebih yang mana kadang kala membawa kepada tidak mempunyai persetujuan sehingga ke akhirnya. Konflik juga mampu mewujudkan kerenggangan yang tidak berkesudahan kerana masing-masing ingin memenangi suatu keadaan. Terdapat beberapa watak yang mendasari jalan cerita dan masing-masing mempunyai konflik jiwa yang boleh dikesan melalui teori psikoanalisis Sigmund Freud. Makalah ini akan menggunakan prinsip struktur keperibadian atau personaliti manusia dalam menganalisis konflik-konflik yang dihadapi oleh watak wanita dengan berpanduan kepada tiga konsep yang utama iaitu id, ego dan superego. Teori psikoanalisis Freud ini dipilih kerana ianya sesuai dan mampu untuk mencapai objektif makalah.

Watak merupakan teras dalam sesebuah cerita. Sebab itulah dalam keseluruhan cerita selalunya wataklah yang memainkan peranannya untuk menghidupkan cerita dan peristiwa yang berlaku sepanjang kisah atau cerita yang hendak disampaikan oleh pengarang. Daripada peranan

watak itulah akan timbul pelbagai peristiwa, kisah dan sebagainya yang akhirnya terjalinlah sebuah cereka yang menarik dan daripada watak itu jugalah timbulnya perwatakan iaitu ciri penting kepada watak tersebut.

Pemikiran Dakwah tentang Takdir Urusan Jodoh di Tangan Allah (Konflik Memilih Pasangan)

Rozana

Konflik- konflik yang dialami memberikan kesan dalam kehidupan seharian. Perlakuan dan tingkah laku mencerminkan situasi kehidupan sebenar yang mempengaruhi perjalanan kehidupan seseorang wanita. Terdapat wanita yang kehidupannya lurus dan tidak banyak masalah yang dialaminya. Namun begitu, terdapat juga wanita yang harus menempuhi liku-liku kehidupan yang mencabar. Kadang kala tindakan di luar batasan kemanusiaan dilakukan untuk menghadapi situasi ini. Berikut merupakan konflik yang dialami watak Rozana dan ditanda dengan ayat “perubahan perasaan.”

Jadual 1: Konflik Rozana (Memilih Pasangan)

WATAK	PEMIKIRAN DAKWAH	KONFLIK	PENANDA
Rozana	Takdir. Urusan Jodoh di Tangan Allah	Konflik Memilih Pasangan	Kalau dulu perasaan belas kasihannya sebagai kawan serumah terhadap Ismail, kini perasaan itu sudah jauh berubah. Kemesraan mereka seperti bercantum satu

Manusia yang berkonflik biasanya mudah untuk mengikut satu jalan penyelesaian yang negatif, jika diikuti oleh emosi yang melulu dan juga tidak menggunakan akal yang waras dalam menyelesaikan sebarang permasalahan yang timbul. Secara jelasnya konflik luaran lebih bercorak tindakan yang mampu dilihat oleh pandangan mata kasar. Hal demikian dapat dilihat berdasarkan tindakan watak utama yang dikaji seperti berikut:

“Rozana terdiam sejenak hari itu. Dia mula teringat, sudah berapa puluh kali dia datang mengunjungi Ismail? Kalau dulu perasaan belas kasihannya sebagai kawan serumah terhadap Ismail, kini perasaan itu sudah jauh berubah.” “Kemesraan mereka seperti bercantum satu. Sama-sama memahami jiwa sendiri.”

(*Terumbu Kasih*, 2019)

Rozana berkonflik apabila terpaksa memilih di antara Joseph dan bosnya Mr Gim Soon. Akhirnya dia berjodoh dengan Ismail dan melupakan hasrat untuk bersatu dengan Joseph dan menolak keinginan bosnya sebagai seorang isteri kerana berpendirian untuk mengubah hidup dan menjadi muslimah sejati bersama Ismail.

Pemikiran Dakwah Menjaga Batas Pergaulan (Konflik Mempertahankan Diri daripada Godaan)

Rozana

Kebanyakan manusia mampu menghadapi konflik dengan tabah dan tenang. Mereka ini adalah manusia yang mampu menghadapi dugaan. Tidak kurang juga yang tewas apabila berhadapan dengan konflik. Situasi ini menyebabkan mereka mengalami kekecewaan yang serius sehingga melakukan perkara yang melanggar peraturan agama.

Jadual 2: Konflik Rozana (Mempertahankan Diri daripada Godaan)

WATAK	PEMIKIRAN DAKWAH	KONFLIK	PENANDA
Rozana	Menjaga Batas Pergaulan	Konflik Mempertahankan Diri daripada Godaan	“Saya mengaku yang saya masih perawan dan masih suci. Malah setitik alkohol pun belum masuk ke kerongkong ini, Mail!” “Saya cuba menjauhkan diri daripada melakukan sesuatu yang berbau maksiat.”

Berdasarkan Jadual 2 di atas, penanda bagi konflik yang dialami oleh watak Rozana ialah ayat “saya cuba.” Dalam hal ini, Rozana terjebak dengan godaan hidup dan sering bergaul bebas tanpa batas di antara lelaki dan perempuan. Namun, dia masih mempertahankan maruahnyanya sebagai wanita daripada godaan bosnya. Contoh petikan:

“Ya! Saya mengaku yang saya masih perawan dan masih suci.”
 “Malah setitik alkohol pun belum masuk ke kerongkong ini, Mail!”

(*Terumbu Kasih*, 2019)

Walaupun Rozana berkonflik di antara desakan bosnya untuk menemaninya ke mana sahaja bosnya pergi, namun Rozana masih sedar batas-batas agama. Walaupun dia pernah melakukan perkara yang menyimpang daripada ajaran agama Islam, namun dia nekad untuk berubah dan baginya kemewahan bukanlah segala-galanya dan hidup ini hanyalah sementara. Contoh petikan: “Saya masih yakin dengan kewujudan Tuhan. Saya masih yakin dengan Nabi besar-Nya, Muhammad S.A.W dan kitab Al-Qurannya. Dan saya masih sedar bahawa saya ini umat Muhammad. Kerana itu saya insaf akan keterlanjuran saya selama ini. Jadi, saya cuba menjauhkan diri daripada melakukan sesuatu yang berbau maksiat.”

(*Terumbu Kasih*, 2019)

Daripada contoh ini diberikan gambaran bahawa kebaikan akhlak menarik kepada penentuan nasib yang baik dan sesuai dengan tujuan moral karya-karya bercorak Islam apa yang penting diketengahkan adalah akhiran bagi naratif-naratif tersebut. Akhirannya biasanya berbentuk kemenangan bagi kebaikan. (Ali, 2002).

Pemikiran Dakwah Jangan Melemparkan Fitnah (Konflik Berhadapan dengan Fitnah)

Alias

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2008) fitnah membawa maksud tuduhan khabar, kisah dan lain-lain yang diada-adakan atau dibuat-buat untuk memburukkan atau membencanakan seseorang. Fitnah yang dilemparkan tanpa mengemukakan sebarang bukti boleh menimbulkan konflik yang sangat mendalam sama ada konflik dengan diri sendiri mahu pun konflik dengan orang lain. Berikut merupakan Jadual 3 yang menunjukkan pemikiran dakwah untuk tidak melemparkan fitnah dan hubungan konflik melalui penanda ayat “dia sendiri tidak pasti...” yang dihadapi oleh watak Alias.

Jadual 3: Konflik Alias (Berhadapan dengan Fitnah)

WATAK	PEMIKIRAN DAKWAH	KONFLIK	PENANDA
Alias	Jangan Melemparkan Fitnah	Konflik berhadapan dengan fitnah	Tapi Zaimah tidak boleh menyalahkan Alias. Dia sendiri tidak pasti kandungan itu anak dengan siapa?

Konflik yang terjadi dalam diri seseorang manusia terjadi apabila konflik berlaku dalam diri manusia dengan dirinya sendiri dan disebut sebagai konflik dalaman. Penyebab konflik dalaman dalam diri watak-watak jelas pelbagai macam rencam permasalahan. Konflik watak biasanya bermula dari permasalahan dengan watak lain. Permasalahan itu selanjutnya diperdebatkan dalam diri watak itu saja. Watak cerita tidak menyelesaikan dengan pihak di luar dirinya, konflik dalam diri tokoh itulah yang menjadi konflik dalaman yang menghantui dirinya. Contohnya Alias, berhadapan dengan konflik setelah dirinya difitnah oleh Mak Longnya sehingga dia menyimpan dendam dan mempergunakan Zaimah anak Mak Longnya. Contoh dendam Alias terdapat dalam petikan di bawah:

“Mengingatkan itulah Alias tersenyum megah. Megah kerana berjaya membalas dendam pada Mak Longnya. Hasil perhubungannya dengan Zaimah menyebabkan wanita itu mengandung. Tapi Zaimah tidak boleh menyalahkan Alias. Dia sendiri tidak pasti kandungan itu anak dengan siapa?”
(*Terumbu Kasih*, 2019)

Dalam hal ini, desakan untuk membalas dendam Alias kepada Mak Longnya akibat perbuatan lampau Mak Longnya memfitnahnya menyebabkan dia berasa sangat puas dan tidak berfikir panjang tentang kesan akibat yang bakal meimpa dirinya. Hal ini ekoran daripada peristiwa tersebut, Alias telah dimarahi oleh ayahnya dan menyebabkan berlaku permusuhan antara mereka berdua. Namun akhirnya, Alias akur dengan kesilapan yang telah dilakukan dan berubah menjadi seorang muslim yang baik.

Pemikiran Dakwah Menjaga Keturunan dalam Agama (Konflik Akibat Perasaan Cinta)

Joseph

Cinta ialah perasaan kasih sayang yang lahir daripada hati seseorang manusia kepada Pencipta mahu pun kepada sesama makhluk. Perasaan cinta adalah fitrah semulajadi manusia. Setiap insan merasakan dirinya ingin mencintai dan dicintai. Namun begitu, perasaan cinta, kasih dan sayang yang ada halangan akan mendatangkan konflik dalam diri seseorang.

Jadual 4: Konflik Joseph (Akibat Perasaan Cinta)

WATAK	PEMIKIRAN DAKWAH	KONFLIK	PENANDA
Joseph	Menjaga nasab keturunan dan agama	Konflik berhadapan dengan perasaan cinta berlainan agama dan bangsa.	Joseph benar-benar menaruh harapan yang tinggi menggunung. Dia berharap agar kasih sayang gadis jurutaip yang menjadi modelnya sekarang akan menjadi kenyataan!

Konflik akibat perasaan cinta turut dimuatkan oleh pengarang dalam novel *Terumbu Kasih*. Contohnya Joseph yang sangat mencintai Rozana dan sentiasa mempunyai perasaan curiga serta cemburu dengan gerak geri Rozana. Contoh petikan:

“Dalam diam-diam, jauh di lubuk hati Joseph benar-benar menaruh harapan yang tinggi menggunung. Dia berharap agar kasih sayang gadis jurutaip yang menjadi modelnya sekarang akan menjadi kenyataan! Namun begitu, Joseph tahu daripada teman-teman serumahnya bahawa Rozana memang rapat dan intim benar dengan bossnya, Mr. Gim Soon. Tapi Joseph tidak ambil kisah semua itu.”

(*Terumbu Kasih*, 2019)

Hubungan cinta ini tidak berjaya kerana Joseph bukan beragama Islam dan berlainan bangsa dengan Rozana.

Pemikiran Dakwah Jangan Mengikut Hawa Nafsu kerana akan Membinasakan Diri (Konflik Akibat Menjadi Mangsa Hawa Nafsu)

Fatimah

Senario semasa yang mendesak seseorang insan hidup dalam keadaan konflik dapat dilihat apabila ramai yang terpaksa membahagikan masa antara keperluan diri, keluarga dan kerjaya.

Jadual 5: Konflik Fatimah (Akibat Menjadi Mangsa Hawa Nafsu))

WATAK	PEMIKIRAN DAKWAH	KONFLIK	PENANDA
Fatimah	Pelihara diri daripada mengikut hawa nafsu	Menjadi mangsa hawa nafsu kerana tidak pandai menjaga diri	Tapi yang kurang enakannya, Fatimah suka bawa teman lelakinya.

Berdasarkan Jadual 5 di atas, Fatimah merupakan seorang wanita yang tidak boleh mengawal diri dan menjadi hamba nafsu. Penanda bagi konflik ini ialah ayat “Fatimah suka bawa teman lelakinya...” Watak Fatimah bertentangan dengan watak Rozana. Individu yang pandai merancang akan dapat menangani dengan baik tekanan jiwa dalam dirinya. Namun dalam novel ini, watak Fatimah digambarkan sebagai seorang watak wanita yang terdorong oleh hawa nafsu sehingga sanggup mengenyepikan perasaan malu, agama dan maruah diri. Dia tidak malu bercerita kepada Rozana tentang teman lelaki dan pergaulan bebas yang dilakukannya. Contoh petikan: “Bilik sewa mereka itu agak sempit. Namun cukuplah untuk mereka berdua.” “Tapi yang kurang enakannya, Fatimah suka bawa teman lelakinya.”

(*Terumbu Kasih*, 2019)

Sikap Fatimah sebagai kakitangan awam iaitu jururawat dan teman lelaki Fatimah ialah seorang warden penjara menyebabkan soal nafsu tidak mengenal siapa. Kritikan sosial oleh pengarang secara tidak langsung mencerminkan bahawa setiap perlakuan yang baik atau buruk adalah bertitik tolak daripada sikap individu itu sendiri dan bukannya ditentukan oleh jawatannya. Fatimah akhirnya berubah menjadi wanita yang taat pada agama dan berkahwin dengan lelaki yang baik dan beriman.

Pemikiran Dakwah Pentingnya Menjaga Agama (Konflik budaya dan agama)

Mr Gim Soon

Mr Gim Soon merupakan bos kepada Rozana dan sentiasa minum arak dan berliburan di kelab malam. Dia sentiasa mengajak Rozana agar menemaninya minum arak bersama namun sentiasa ditolak dengan baik oleh Rozana kerana larangan agama.

Jadual 6: Konflik Mr Gim Soon (Budaya dan Agama)

WATAK	PEMIKIRAN DAKWAH	KONFLIK	PENANDA
Mr Gim Soon	Kepentingan menjaga agama	Konflik budaya dan agama	Mr. Gim Soon cuba memaksa Rozana minum arak dan tidur bersamanya. Seinggalah dia menyesal dan berubah kerana ketegasan Rozana menolak permintaannya dan

menyebabkan Mr. Gim Soon berubah dan memeluk agama Islam kerana tertarik dengan ajaran agama Islam tersebut.

Hal ini menimbulkan konflik dalam diri Mr. Gim Soon apabila dia cuba memaksa Rozana minum arak dan tidur bersamanya. Sehingga dia menyesal dan berubah kerana ketegasan Rozana menolak permintaannya dan menyebabkan Mr. Gim Soon berubah dan memeluk agama Islam kerana tertarik dengan ajaran agama Islam tersebut. Mr. Gim Soon akhirnya menukar kepada nama Islam iaitu Mohd Anuar dan menjadi seorang Islam sejati.

Pemikiran Dakwah Tentang Konsep Rezeki (Konflik dalam Pekerjaan)

Joseph

Salah satu persoalan yang terdapat dalam novel *Terumbu Kasih* ialah masalah desakan ekonomi golongan muda. Jadual 7 berikut menunjukkan berlaku konflik pekerjaan dan ia boleh dikenal pasti melalui penanda ayat “menumpang di rumah Alias...”, “ditanggung oleh mereka...”,

Jadual 7: Konflik Joseph (Pekerjaan)

WATAK	PEMIKIRAN DAKWAH	KONFLIK	PENANDA
Joseph	Kepentingan mencari rezeki	Konflik dalam mencari pekerjaan, menimbulkan perasaan rendah diri dan malu	Joseph terpaksa menumpang di rumah Alias dan rakan-rakannya serta ditanggung oleh mereka. Akibat daripada itu juga ia menimbulkan kesan perasaan rendah diri dan malu kerana dia masih tidak mempunyai pekerjaan

Melalui desakan ekonomi yang tidak mencukupi di kampung menyebabkan ramai golongan muda sanggup berhijrah ke bandar kerana ingin mencari pekerjaan dan ini berlaku kepada Joseph. Malangnya penghijrahan beliau tidak menjamin kesenangan kerana dia langsung tidak mendapat sebarang pekerjaan seperti mana yang dihasratkan sebelum ini. Ia meninggalkan konflik yang mendalam buat diri Joseph apabila dia terpaksa menumpang di rumah Alias dan rakan-rakannya serta ditanggung oleh mereka. Akibat daripada itu juga ia menimbulkan kesan perasaan rendah diri dan malu kerana masih tidak mempunyai pekerjaan sehingga tidak sanggup untuk pulang ke kampung dan berhadapan dengan keluarganya.

KESIMPULAN

Konflik dalaman biasanya tidak terlepas dari aspek kejiwaan watak iaitu id, ego dan super ego. Id dan ego yang tidak seimbang dengan aspek superego misalnya, menyebabkan konflik dalaman watak dengan watak-watak yang lain. Perhubungan intrapersonal atau konflik dalaman adalah sangat penting bagi setiap individu. Hubungan individu dengan dalaman diri sangat penting ke arah kesejahteraan diri sendiri. Perhubungan antara hati, nafsu dan akal itu penting untuk menjaga roh manusia supaya seimbang dengan perkembangan jasad dan fizikal.

Dalam novel *Terumbu Kasih* karya Mhd Mansur Abdullah, watak-wataknya berkonflik di antara satu sama lain dan meninggalkan kesan yang baik di akhir penghujung cerita. Kesemua watak ini sedar dengan kesilapan yang pernah mereka lakukan dan akhirnya mereka berhijrah menjadi hamba yang lebih baik menuju ke jalan yang diredai oleh-Nya. Pengarang menampilkan

pemikiran dakwah dalam karya ini apabila menggambarkan sisi buruk setiap wataknya dengan penggunaan bahasa yang mudah difahami, berterus terang walaupun kadang-kadang mempunyai unsur bahasa kiasan dan sedikit erotis tentang perihal nafsu manusia namun ia masih terkawal kerana pengarang bersandar kepada pemaparan watak “real” dan cerita yang benar berlaku dalam kehidupan masyarakat pada masa itu. Pengarang tidak berselindung di sebalik wajah kepura-puraan dan dunia khayalan kerana kehidupan manusia begitu rencam serta perlu kepada suatu matlamat menuju tujuan hidup yang lebih baik. Maka dalam novel *Terumbu Kasih* pengarang membawa pembaca kepada konflik setiap watak-wataknya yang mempunyai banyak masalah dalam hidup serta mempunyai jalan cerita yang berbeza-beza. Pengarang menekankan konsep bahawa setiap kesalahan dan kesilapan atau keterlanjuran yang pernah dilakukan oleh hambanya maka masih ada ruang dan pintu untuk bertaubat serta mengubah hidup menjadi hamba yang lebih baik. Tidak ada manusia yang tidak pernah melakukan kesalahan dan setiap manusia berhak menjadi lebih baik daripada sebelumnya sekiranya mereka mahu dan dengan izin Allah jua.

RUJUKAN

- A.Bakar Hamid. (1976). *Diskusi Sastera Jilid 1: Sastera Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ab. Aziz Mohd Zin. (2005). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdullah Muhammad Zin. (2012). *Prinsip dan Kaedah Dakwah Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizan bt Baharuddin. (2010). *Islam Dan Sains Dalam Pembangunan Tamadun*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- A.Samad Said. (1988). *Hujan Pagi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abrams, M.H. (1971). *A Glossary of Literary Terms*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Diana Laurenson & Alan Swingewood. (1972). *The Sociology of Literature*. London: Paladin Books
- Dictionary of World Literature*. (1960). Shipley, Joseph Twadell (ed). Littlefield, Adam & Co.
- Eagleton, Terry., (ed.). (1988). *Teori Kesusasteraan: Satu Pengenalan* (Muhammad Haji Salleh, pentj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang, Zahir Ahmad, Nor Hasnoor Mohamad Nor et.al. (2005). *Emosi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu
- Hashim Awang. (1993). “Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air” dlm *Dewan Sastera* (Januari, 1993)
- Hashim Awang. (1999). “Teori Sastera Sendiri: Pengkaedahan Melayu” dlm Kertas Kerja Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri, Hotel The Summit, 6-8 Disember 1999, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hartmann, Heinz (ed.). (1988). *Psychoanalysis and Moral Values*. New York: International Universities Press, INC.
- Jumali Selamat. (2009). “Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Menaras Ribut dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah” dlm. *Jurnal Personalia Pelajar*. Bil. 12 Jun/June (19-37)
- Kamal Ariffin. (1985). *Sejarah Sastera Melayu Klasik dan Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Lahmuddin Lubis (ed.). (2000). *Pengantar Bimbingan Konseling*. Medan: IAIN Press.
- Lufti Abas, Mei. (1988). “Tema dalam karya sastera” (Bahagian Pertama) dalam *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2008). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Mana Sikana. (1998). *Teori dan Kritikan Sastera Pascamodenisme*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Mana Sikana. (1985). *Esei-esei Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia

- Mana Sikana. (2013). “Arah Perjalanan Teori dan Kritikan Sastera Malaysia dalam Era Globalisasi” dalam *Jurnal Rumpun*. Persatuan Penulis Budiman Malaysia: Perak.
- Mana Sikana. (1991). *Pemikiran Islam Dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Tratra Publishing & Trading Sdn Bhd.
- Naffi Mat (2009). *Puisi--Puisi Dharmawijaya: Kajian Teori Pengkaedahan Melayu dan Estetika*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu. (PhD).
- Nuttin, Joseph (ed.). (1962). *Psychoanalysis and Personality: A Dinamic Theory of Normal Personality* (George Lamb, pentj.). New York: A Mentor Omega Book.
- Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi. (2022). “Konflik Diri dan Citra Wanita dalam Teks Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu” dlm *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol. 4, No. 1, 410-418. Asian Scholar Network.
- Nye, Robert, D. (ed.). (1992). *Tiga Pemikir Psikologi* (Mahmood Nazar Mohamed, pentj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Mansur Abdullah. (2019). *Terumbu Kasih*. Kuantan: Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP).
- Nuttin, Joseph (ed.). (1962). *Psychoanalysis and Personality: A Dinamic Theory of Normal Personality* (George Lamb, pentj.). New York: A Mentor Omega Book.
- Razali Mat Zin. (1989). *Kepimpinan Dalam Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.